



**UCAPAN PERASMIAN**

**YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM**

**MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,**

**KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**KONVENSYEN MAJLIS PEMBANGUNAN WANITA DAN KELUARGA**

**(MPWK) TAHUN 2016**

**11 MEI 2016 (RABU)**

**HOTEL SUNWAY PUTRA, KUALA LUMPUR**

## [ SALUTASI ]

Assalamualaikum w.b.t, Selamat Petang dan Salam 1Malaysia.

## PENGENALAN

1. Syukur Alhamdulillah kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat kita bersama-sama dalam Majlis Konvensyen Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga (MPWK) tahun ini.
2. Saya bagi pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ingin mengalu-alukan kehadiran semua Pengerusi Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga (MPWK) Negeri dan Parlimen yang telah dilantik bagi penggal 2016 – 2017. Tahniah kepada Pengerusi yang baharu dilantik dan yang dilantik semula.
3. Saya berbesar hati mentauliahkan YB-YB, Dato', Datin, dan puan-puan sekalian berdasarkan kebolehpercayaan yang saya letakkan terhadap kepimpinan, sumbangan kepada masyarakat dan usaha yang ditunjukkan dalam membantu Kementerian saya memberikan yang terbaik kepada kumpulan sasar. Amanah besar yang saya berikan ini bukan sekadar pengiktirafan malah ia lebih besar daripada itu. Dengan mengetepikan segala sentimen yang boleh merencatkan segala rencana MPWK, kita harus memandang lebih jauh ke hadapan, bekerja dalam satu pasukan dan menjadi bukan sahaja tulang belakang malah penggerak kepada semua dasar dan hala tuju kerajaan.

4. Penghargaan saya tujukan kepada semua wanita-wanita gigih di hadapan saya ini yang sentiasa menyokong dan membantu Kementerian bagi menyebarkan luas maklumat kepada masyarakat khususnya wanita. Kehadiran YB Dato', Datin, puan dan tuan sekalian pada hari ini mempunyai pengertian yang besar kepada pembangunan wanita di negara ini.
  
5. Penghargaan yang tak terhingga juga saya tujukan khas kepada MPWK Sarawak kerana kerja keras mereka sepanjang Pilihanraya Negeri Sarawak yang baru berakhir beberapa hari lalu. Usaha mereka terbukti berbaloi dengan kemenangan besar Barisan Nasional. Bukan itu sahaja, malah selepas pilihanraya berakhir mereka terus bersama dengan kita dalam majlis hari ini. Inilah semangat wanita yang kita perlukan dalam memastikan bukan sahaja keluarga berada dalam keadaan sejahtera malah dapat membantu dalam aspek pembangunan negara.

Para hadirin sekalian,

### **TUJUAN KONVENSYEN**

6. Konvensyen ini menjadi medium untuk kita bertemu, mendengar dan berbicara mengenai agenda wanita di negara ini. Setiap daripada kita yang berada di sini pada hari ini telah dilantik sebagai mata bagi melihat dan melaporkan isu dan masalah kaum hawa, sebagai telinga bagi mendengar rintihan kaum wanita diperingkat akar umbi dan suara untuk berbicara mengenai isu wanita di kawasan masing-masing. Ramai wanita bergantung kepada YB

Dato', Datin, puan dan tuan yang duduk di hadapan saya pada petang ini untuk mewakili suara mereka. Di sinilah letaknya peranan kita untuk menjelaskan kepada wanita di peringkat akar umbi berkenaan dengan usaha kerajaan dalam memartabatkan dan memperkasakan wanita di setiap pelosok negara.

7. Selain itu, melalui konvensyen ini juga kita dapat bersama-sama berkongsi pengalaman, *best practices* agar perancangan dan strategi yang lebih baik dapat dilaksanakan di kawasan masing-masing.

Para hadirin sekalian,

### **PERJALANAN KONVENSYEN**

8. Konvensyen pada tahun ini telah disusun dengan menggunakan pendekatan yang berbeza sepertimana konvensyen yang telah diadakan sebelum-sebelum ini. Pendekatan pada tahun ini ialah perkongsian dan pembentangan daripada wakil MPWK dari seluruh negara berkenaan isu-isu yang melibatkan wanita dan dunia di sekitarnya. Justeru itu, pada hari kedua konvensyen, kita akan berpeluang mendengar kupasan tuan-tuan dan puan-puan dalam slot "Bicara Wanita - Kesaksamaan Gender, Di manakah Kita". Sesi perkongsian ini akan melihat Pengerusi MPWK dan Parlimen berbicara mengenai isu-isu ekonomi, sosial, politik dengan menggunakan kaca mata MPWK di peringkat akar umbi.
9. Kita sudah mempunyai sebuah dasar yang memperjuangkan hak wanita di negara ini, iaitu Dasar Wanita Negara. Bagi memastikan

dasar ini mencapai matlamatnya dan bukan sekadar menjadi tulisan dalam sebuah buku, saya menyeru semua ahli MPWK supaya berusaha menterjemahkan dasar ini kepada satu realiti.

10. Dengan pelbagai dasar kerajaan yang mesra wanita, hari ini wanita yang mewakili 49.1% daripada jumlah penduduk Malaysia, telah menjadi penyumbang penting kepada pertumbuhan ekonomi, kesejahteraan sosial dan kemakmuran negara. Wanita dan lelaki di lihat sebagai sama, tiada beza, tiada diskriminasi. Keadaan ini bertepatan sekali dengan tema sambutan Hari Wanita Antarabangsa pada tahun ini yang telah disambut pada 8 Mac 2016, iaitu "*Pledge for Parity*" atau Kesaksamaan Gender.
11. Kita sedar bahawa perjuangan memajukan wanita merupakan tanggungjawab yang amat berat dan penuh dengan berbagai cabaran di zaman siber ini. Namun ianya tidak seharusnya mematahkan semangat kita untuk terus berjuang demi memartabatkan wanita Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum dan lapisan masyarakat dalam usaha menjadikan mereka agen perubahan kepada masyarakat serta penyumbang kepada pembangunan ekonomi dan sosial negara.
12. Penduduk sesebuah negara yang sedang menuju ke arah status negara membangun perlu melengkapkan diri mereka dengan pengetahuan, kemahiran dan teknologi baru supaya mereka boleh maju seiring dengan perubahan dunia. Landskap dunia telah berubah, sedang berubah dan akan terus berubah. Yang nyata ialah, wanita yang memakai topi sebagai seorang ibu, isteri, anak, pelajar,

pekerja dan warganegara perlu bergerak seiring dengan perubahan tersebut supaya tidak jauh ketinggalan di belakang.

13. Sekian lama, kita telah menunjukkan visibility kita dengan memberi tumpuan kepada kerja-kerja amal, kemasyarakatan, kebajikan dan amal jariah yang lain. Seterusnya, pada tahun ini dan tahun-tahun akan datang, saya menyeru untuk kita lebih menyerlah dan menjadi lebih visible dalam perkara-perkara yang terletak di luar perkara biasa.
14. MPWK tidak harus dilihat hanya memfokuskan kepada hal-hal kaum wanita sahaja. Kita akur bahawa isu-isu seperti kedudukan wanita dalam membuat keputusan, isu wanita di tempat kerja, sensitiviti gender dan seumpamanya adalah isu-isu penting yang mesti terus diperjuangkan oleh MPWK selaku suara wanita di peringkat akar umbi. Kita tidak akan berhenti mengetengahkan isu-isu ini, namun, kita tidak boleh membataskan aktiviti kita kepada isu-isu tersebut sahaja.
15. MPWK harus menjadi lebih *visible* dan menyerlah di luar kerangka isu-isu yang biasa ini. Selain menyentuh isu *women centric*, MPWK perlu juga melihat wanita dan keluarga dalam konteks yang lebih luas seperti wanita dan perumahan, wanita dan ekonomi, wanita dan keusahawanan, wanita dan pendidikan, wanita dan keselamatan, keadilan social, wanita dan *climate change* serta wanita Malaysia di arena antarabangsa. Ini adalah isu yang kita harus lihat dan perjuangkan dalam konteks perubahan dunia masa kini. MPWK perlu

memimpin masyarakat ke arah isu-isu ini yang mampu mengubah kehidupan wanita dan keluarga mereka secara inklusif. Seperti mana pepatah yang berbunyi, '*When You Empower A Women, You Empower A Nation*'.

16. Saya percaya masih ramai lagi wanita yang tidak berkesempatan mengikuti program-program anjuran KPWK dan MPWK. MPWK perlu dilihat sebagai *visible* dengan usaha untuk "*reach out*" menggunakan pelbagai media termasuklah melalui media sosial, dan mendekati masyarakat di luar Kita mesti mengambil pendekatan memandang ke luar, atau "*outward-looking*" dan bukan sekadar meneruskan aktiviti – aktiviti yang pernah dilakukan sebelum ini.
  
17. Justeru, saya berharap agar kita dapat mengoptimumkan kreativiti masing-masing bagi mewujudkan aktiviti-aktiviti baru yang akan menarik minat semua kelompok umur masyarakat, baik yang tua mahupun yang muda. Pada masa yang sama, Kementerian juga akan memastikan program-program dalam Rancangan Malaysia Kesebelas akan lebih *inclusive* agar tiada pihak yang terpinggir atau ketinggalan daripada menikmati kemudahan atau perkhidmatan yang disediakan oleh kerajaan. Semoga kerjasama antara MPWK dengan golongan wanita di kawasan masing-masing mampu memberi suara kepada wanita di seluruh Malaysia supaya mereka boleh menjadi lebih *visible* dalam masyarakat.

Para hadirin sekalian,

## **PENUTUP**

18. Di kesempatan ini sekali lagi ingin saya zahirkan rasa sedih di atas tragedi nahas helikopter di kawasan saya Batang Lupar beberapa hari lalu yang telah mengorbankan 6 nyawa. Lebih mendukacitakan apabila adik kesayangan saya sendiri YB Dato' Noriah Kasnon terlibat dalam nahas tersebut. Kita kehilangan seorang lagi pemimpin wanita yang disegani bukan sahaja di peringkat akar umbi malah negara. Ini memperlihatkan bagaimana perjuangan seorang pemimpin wanita yang berani berdepan dengan pelbagai risiko, berkorban malah meletakkan kepentingan masyarakat lebih dari sendiri. Semangat beginilah yang perlu kita ambil iktibar.
19. Saya mohon sama-sama kita sedekahkan surah Al-Fatihah kepada mereka yang telah pergi dalam kejadian ini.
20. Saya juga berharap semoga pertemuan hari ini tidak berkesudahan di sini sahaja tetapi disusuli dengan perhubungan yang berterusan melalui pelbagai saluran media terutama media sosial seperti *Facebook, Twitter, Instagram* dan sebagainya. Saya percaya pihak YB Dato', Datin, Puan dan Tuan tentu sibuk dengan tugas di kawasan masing-masing, namun melalui saluran media sosial yang ada kita dapat sama-sama berkongsi idea dan pandangan bagi menambah baik dan meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada rakyat.
21. Dengan itu, saya dengan penuh berbesar hati dan lafaz Bismillah hirrahman nirrahim, merasmikan Konvensyen Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga (MPWK) Tahun 2016.

Sekian, Wassalamualaikum W.B.T